KENYATAAN MEDIA
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
BERKAITAN
PEMAKLUMAN TERKINI PERSIDANGAN INTERNATIONAL ISLAMIC FIQH ACADEMY (IIFA) KALI KE-27

26 OKTOBER 2026 / 15 RABIULAWAL 1447

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ingin memaklumkan bahawa **Persidangan International Islamic Fiqh Academy (IIFA) Kali Ke-27** akan berlangsung pada **30 November hingga 3 Disember 2026** bertempat di **Hotel Marriott Putrajaya.**

2. Pemakluman terkini ini merupakan pengemaskinian kepada hebahan awal yang telah dikeluarkan pada 21 September 2026. Persidangan antarabangsa ini bakal menghimpunkan tokoh ulama, ilmuwan dan pakar pelbagai bidang dari seluruh dunia bagi membincangkan isu-isu fiqh kontemporari yang memerlukan penelitian ilmiah dan pertimbangan hukum syarak secara mendalam.

3. Antara perkara utama yang akan dibincangkan dalam persidangan ini merangkumi tujuh bidang perbincangan, iaitu isu semasa dan kecerdasan buatan (AI), isu-isu perubatan semasa, isu-isu kekeluargaan semasa, isu semasa dalam industri kewangan, fiqh kehidupan bersama (fiqh ta'ayush), akhlak dan perbuatan Nabi SAW serta isu-isu semasa berkaitan istihsan.

4. Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah persidangan ini turut membuka ruang kepada pengukuhan kerjasama ilmiah di peringkat antarabangsa, di samping memperluas sumbangan Malaysia dalam wacana fiqh dan pembangunan pemikiran Syariah yang responsif terhadap keperluan ummah sejagat.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MALAYSIA MADANI